

B549:
MAHATHIR-WAKTU

1981

KUALA LUMPUR, 5 DIS. (BERNAMA) — ZON WAKTU YANG SERAGAM UNTUK SELURUH NEGARA BESAR KEMUNGKINAN DILAKSANAKAN PADA 1 JANUARI DEPAN MELAINKAN JIKA ADA ARAL MELINTANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ZON WAKTU YANG AKAN DILAKSANAKAN AKAN BERDASARKAN ZON WAKTU YANG SEDANG DIAMALKAN DI NEGERI-NEGERI SABAH DAN SARAWAK, IAITU SETENGAH JAM LEBIH AWAL.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN ZON WAKTU YANG DIGUNAKAN DI KEDUADUA NEGERI ITU ADALAH ZON WAKTU YANG BIASA IAITU SATU JAM BEZANYA DENGAN ZON WAKTU ANTARABANGSA YANG LAIN.

KATANYA ZON WAKTU YANG DIAMALKAN DI SEMENANJUNG DAN JUGA DI SINGAPURA AGAK PELEK SADIKIT KERANA BEZANYA HANYA SETENGAH JAM DAN TIDAK SERAGAM DENGAN ZON WAKTU ANTARABANGSA YANG LAIN.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SIDANG BULANAN MAJLIS TERTINGGI UMNO MALAYSIA DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI BELIAU BERKATA MAJLIS TERTINGGI UMNO BERSETUJU DENGAN HASRAT KERAJAAN HENDAK MENGADAKAN ZON WAKTU YANG SERAGAM ITU DAN SUPAYA PERKARA ITU DIBAWA KE MESYUARAT JEMAAH MENTERI.

"MAJLIS TERTINGGI AKAN MENERIMA SEGALA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH KABINET," KATANYA. — BERSAMBUNG 1449/LK

B550:
MAHATHIR-WAKTU 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA BEBERAPA MASALAH BERHUBUNG DENGAN PERLAKSANAAN ZON WAKTU YANG SERAGAM ITU SEDIKIT SEBANYAK TELAH PUN DIBERESKAN DAN BEBERAPA PELARASAN PERLU DIBUAT.

INI TERMASUKLAH SOAL WAKTU BERHENTI KERAJA PADA HARI JUMAAT UNTUK MENUNAIKAN SEMBAHYANG DAN JUGA SOAL MASA KAKITANGAN KERAJAAN HENDAK PERGI KE PEJABAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETELAH KEPUTUSAN MENGENAI ZON WAKTU ITU DIBUAT OLEH KABINET BELIAU BERCADANG MENYAMPAIKAN HASRAT KERAJAAN HENDAK MELAKSANAKANNYA KEPADA KERAJAAN SINGAPURA APABILA BELIAU MELAWAT REPUBLIK ITU NANTI.

LAWATAN RASMI BELIAU KE REPUBLIK ITU DIJADUALKAN PADA 17 DAN 18 JANUARI INI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PERKARA ITU PERLU DIMAKLUMKAN KEPADA KERAJAAN SINGAPURA KERANA NEGARA JIRAN ITU MENGIKUTI ZON WAKTU YANG SAMA DENGAN SEMENANJUNG.

"INI BERMAKNA JIKA SEMENANJUNG TIDAK LAGI MENGIKUTI ZON WAKTU YANG SEDIA ADA, SINGAPURA YANG MENJADI NEGARA TUNGGAL YANG AKAN MENGIKUTINYA," JELAS BELIAU. — BERSAMBUNG 1452/LK

MENGENAI LAWATANNYA KE SINGAPURA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELAIN UNTUK MEMAKLUMKAN HASRAT MALAYSIA MENGENAI PERLAKSANAAN ZON WAKTU YANG SERAGAM BELIAU JUGA AKAN MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA MENGENAI HUBUNGAN DENGAN NEGARA ITU.

MASALAH-MASALAH YANG MASIH BELUM DIBERESKAN SEPERTI TANAH, KERETAPI, PANGKALAN TLOM DAN TAMBAK JOHOR JUGA AKAN DIBINCANGKAN.

BELIAU MENSIFATKAN SEBAGAI BAIK HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN REPUBLIK ITU "BAHKAN LEBIH BAIK DARIPADA HUBUNGAN YANG TERDAPAT PADA MULA KITA BERPISAH."

NAMUN DEMIKIAN, KATANYA, HUBUNGAN BAIK ITU MASIH BOLEH DIPERBAIKI.

SIDANG SELAMA TIGA JAM ITU DIHADIRI OLEH SEMUA ANGGOTA MAJLIS TERSEBUT KECUALI EMPAT ORANG TOKOH IAITU MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMAD RAHMAT, MENTERI BESAR JOHOR TAN SRI HAJI OTHMAN SAAT, TIMBALAN MENTERI BESAR KELANTAN DATUK HAJI HUSSAIN AHMAD DAN BEKAS MENTERI BESAR PAHANG HAJI ABDUL RAHIM BAKAR.

DATUK MOHAMAD DAN DATUK HAJI HUSSAIN KINI BERADA DI MANILA UNTUK MENGHADIRI SUKAN SEA MANAKALA TAN SRI HAJI OTHMAN TERPAKSA MENGHADIRI SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI SEMENTARA HAJI RAHIM PULA DIBERIKAN IZIN BERCUTI KERANA MENGIKUTI KURSUS DI AMERIKA SYARIKAT. -- BERNAMA 1510/LK